

El Nino jejas produksi penyu jantan

Cuaca panas
pengaruhi
penghasilan induk
jantan

SH/05.05.23/M/S JG

Oleh NORHASPIDA YATIM
KUALA NERUS

Kadaan cuaca panas atau fenomena El Nino yang dialami di seluruh negara dijangka mempengaruhi penghasilan penyu jantan melalui telur yang ditetaskan di kebanyakan pusat konservasi hidupan marin itu.

Ketua Makmal Penyelidikan Luar, Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Mohd Uzair Rusli berkata, suhu panas menyebabkan kecenderungan untuk menghasilkan induk betina lebih tinggi berbanding induk jantan.

"Pengeraman telur penyu untuk menghasilkan induk jantan dan betina sedikit unik, tidak se-

perti manusia. Untuk manusia, jika ayah menyumbangkan X (kromosom) maka akan mendapat bayi lelaki, jika Y (kromosom) akan dapat bayi perempuan.

"Tetapi, untuk penyu pula penentuan jantina berlaku ketika proses pengeraman telur dalam tempoh dua bulan.

"Dalam tempoh itu iaitu ketika fasa selepas 40 hari pengeraman kita perlu pastikan suhu tidak terlalu tinggi kerana ia akan menyebabkan kita menghasilkan banyak induk-induk betina sahaja," katanya kepada pemberita ketika melawat Pusat Taman Laut di Pulau Redang, di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Terengganu, Datuk Tun Ahmad Faisal Tun Abdul Razak dan Pengarah Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu, Fadli Yusof Zakaria.

Menurut Mohd Uzair, pelbagai inisiatif dilakukan bagi me-



MOHD UZAIR

astikan telur penyu yang dieram menghasilkan induk jantan termasuk meletakkan teduhan di kawasan pengeraman.

"Fenomena El Nino memberi kesan kepada penghasilan induk-induk penyu jantan, sebab itu kita perlu pastikan kaedah yang digunakan di pusat penetasan

terutama proses pemindahan telur penyu di pusat penetasan perlu dieram pada kedalaman yang betul.

"Telur yang dieramkan pada kedalaman kurang daripada 20 sentimeter akan terdedah kepada perubahan suhu harian. Telur penyu tidak seperti ayam atau burung, kerana ia memerlukan suhu pengeraman yang stabil," jelasnya.

Ujarnya, setakat ini penghasilan penyu jantan di kebanyakan pusat konservasi hampir tiada.

"Berdasarkan hasil kajian kami pada 2021, kita hampir tidak berjaya menghasilkan mana-



Mohd Uzair (kanan) memberi penerangan di salah satu kawasan konservasi penyu di Pusat Taman Laut di Pulau Redang.

mana induk jantan jika telur penyu dieramkan di kawasan terbuka atau kawasan teduhan.

"Sebab itu, cabaran untuk melakukan usaha saintifik ini memerlukan sokongan kerana definisi kejayaan bagi proses konservasi penyu ini berbeza-beza. Kejayaan dalam usaha ini bagi kami ialah apabila penyu ini kembali semula ke sini untuk bertelur.

"Walaupun kita menghasilkan hampir 1,000 anak penyu daripada satu induk penyu sebenarnya ia boleh menjadikan satu sahaja induk penyu yang kembali semula ke Terengganu selepas tempoh 20 tahun," ujarnya menambah, kesan fenomena El Nino dapat dilihat dalam jangka masa selepas dua atau tiga tahun akan datang.

Kuliah umum tentang rasuah Sabtu ini


SHAH ALAM - Agora Society Malaysia menerusi Generasi Bebas Rasuah akan menganjurkan siri kedua kuliah umum bertajuk *Rasuah Sebagai Masalah Politik* di Auditorium Tun Mohamed Suffian, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya (UM) pada Sabtu ini.

Program yang turut mendapat kerjasama Kesatuan Mahasiswa UM (UMSU), Rasuah Busters, Gabungan Bertindak Malaysia (GBM) itu terbahagi kepada dua topik. Ia bermula dari jam 2 hingga 5 petang.

Koordinator program, Chan Yit Fei berkata, program itu akan menampilkan tiga tetamu iaitu Penyelidik Bersekutu Kehormat, Universiti Nottingham Malaysia, Dr Bridget Welsh; Ahli Parlimen Petaling Jaya, Lee Chean Chung dan Pengurus Kanan, Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS), Aira Zahari, manakala May Leong bertindak sebagai moderator.

Ujarnya, tujuan utama program ini adalah untuk memberi kesedaran dan galakan kepada masyarakat mengambil bahagian mengekang rasuah.

"Penting bagi orang ramai untuk



YIT FEI

menyedari dan memahami sifat rasuah kerana ilmu adalah langkah pertama dalam memerangi dan mencegah rasuah.

"Apabila individu mempunyai pemahaman yang jelas dan manifestasi berbeza mereka lebih bersedia untuk mengenali dan melaporkan amalan rasuah.

"Kesedaran ini juga memberi kuasa kepada mereka untuk lebih berwaspada dan menuntun akauntabiliti daripada pegawai awam, yang boleh menyumbang kepada pengurangan rasuah dalam masyarakat," katanya kepada *Sinar Harian*.

Tambahnya, memahami rasuah adalah penting kerana setiap orang

mempunyai hak untuk mengetahui kos sebenar rasuah dan kesan buruknya kepada masyarakat dan individu.

Penyelidikan terbaru yang dijalankan EMIR Research menganggarkan bahawa Malaysia telah kehilangan sekurang-kurangnya RM3 trilion sejak 26 tahun lalu akibat rasuah.

Justeru, Yit Fei mengajak orang ramai untuk turut serta dalam program percuma itu bagi memastikan lebih ramai dapat menyertai usaha untuk membanteras rasuah di negara ini.

"Objektif keseluruhan projek ini adalah untuk menggalakkan pemahaman orang ramai, penyertaan aktif dalam perbincangan mengenai rasuah, dan memupuk komuniti yang berpengetahuan serta usaha pencegahan rasuah," katanya.

Subang Jaya catat 1,292 kes aedes

SUBANG JAYA - Kes demam denggi di Subang Jaya menunjukkan peningkatan sebanyak 1,292 kes pada minggu epid 20 antara 14 Mei hingga 20 Mei lalu.

Datuk Bandar Subang Jaya, Mohd Fauzi Mohd Yatim berkata, kes meningkat kepada 2,945 kes berbanding 1,653 kes dalam tempoh sama pada tahun lepas.

Menurutnya, terdapat 12 lokasi titik panas di kawasan pentadbiran MBSJ dengan lapan daripadanya di kawasan kediaman bertingkat.

"Tindakan pengwasapan tidak dapat menyelesaikan masalah ini kerana hanya membunuh nyamuk sahaja.

"Pengurusan kediaman bertingkat dan masyarakat diminta untuk terus memastikan kawasan dan persekitaran premis masing-masing bersih dan bebas daripada tempat pembiakan aedes.

"Luangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan," katanya pada Mesyuarat Bulanan MBSJ pada Rabu.

Beliau turut menasihati masyarakat khususnya yang tinggal di kawasan wabak denggi untuk mengambil langkah pencegahan.

"Lakukan semburan aerosol di dalam premis dan menggunakan repellent apabila keluar terutama mereka yang tinggal di kawasan wabak denggi," katanya lagi.



MOHD FAUZI